



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : SEJARAH SENIBINA**  
**KOD KURSUS : DID 1153**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2019**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan. Sila jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Seni bina China berdasarkan kepada prinsip
  - i. simetri
  - ii. seimbang
  - iii. lurus
  - iv. bulatan
  - A. i dan ii
  - B. i, ii dan iii
  - C. ii dan iv
  - D. semua diatas
  
2. Bangunan pejabat, bangunan kediaman, kuil dan istana dibina berdasarkan kepada prinsip
  - A. struktur utama adalah kiri.
  - B. struktur utama adalah kanan.
  - C. struktur utama adalah paksi.
  - D. struktur utama adalah tetulang.
  
3. Struktur kedua diletakkan pada bahagian kiri dan kanan struktur utama sebagai bilik utama dan taman. Pengagihan ruang pada bahagian dalaman bangunan bergantung kepada
  - A. kedudukan etnik dan sosial orang-orang China.
  - B. kemahiran etnik dan sosial orang-orang China.
  - C. kedudukan etnik dan tatasusila orang-orang China.
  - D. kedudukan rumah dan sosial orang-orang China.

4. Ciri-ciri seni bina China adalah pembinaan podium atau lantai daripada tanah membayangkan sifat
- A. rendah diri.
  - B. kekayaan.
  - C. kekerasan.
  - D. kelembutan diri.
5. Bumbung adalah unsur terpenting ditegakkan oleh tiang bebas dari dinding. Bahan binaan utama untuk struktur bumbung ialah kayu. Biasanya kayu yang digunakan berbentuk
- A. segi tiga dan berwarna merah.
  - B. segi empat dan berwarna gelap.
  - C. bujur dan berwarna putih.
  - D. segi empat dan berwarna merah.
6. Dinding dan pembahagi ruang biasanya tidak digunakan sebagai elemen struktur. Ciri-ciri dinding seni bina China ialah :
- i. Dinding nipis dan diperbuat dari kayu.
  - ii. Dinding tidak berfungsi untuk menerima sebarang tekanan berat daripada lantai, rasuk dan bumbung.
  - iii. Mempunyai nilai estetik yang tinggi.
  - iv. Dinding di cat dengan warna yang mempunyai fungsi untuk memelihara kayu daripada serangga dan juga mengelakkannya daripada reput.
- A. i, ii dan iii
  - B. ii, iii dan iv
  - C. iii dan iv
  - D. semua di atas

7. Fungsi utama binaan podium ialah untuk mengelakkan bangunan daripada basah dan lembab. Ciri - ciri podium ialah :
- i. Bahan binaan utama ialah batu dan tanah.
  - ii. Tinggi podium berubah mengikut pangkat bangunan itu.
  - iii. Tiang kayu diletakkan di atas batu pada podium untuk memelihara bahagian bawah tiang itu daripada reput
  - iv. Diukir dengan gaya seni yang menarik.
- A. ii, iii dan iv  
B. i, ii, iii dan iv  
C. i sahaja  
D. iii dan iv
8. Merupakan bangunan tipikal China dan terdapat di merata - rata tempat di dalam negeri China. Ia merupakan unsur penting di dalam agama. Tingkat binaan berubah dari tiga hingga tiga belas. Bahan binaannya terdiri dari kayu, bata dan paduan kayu dan bata. Pernyataan berkenaan merujuk kepada binaan
- A. Pai Lou  
B. Jambatan  
C. Pagoda  
D. Gereja
9. Tujuan utama binaan ini dibina ialah sebagai tugu peringatan kepada seseorang yang terkenal atau ternama. Pernyataan berkenaan merujuk kepada binaan
- A. Pai Lou  
B. Pai Li  
C. Pagoda  
D. Lou Pai

- Tempat kediaman rasmi yang dibina secara berasingan.
- Mempunyai Pavilion setingkat berbentuk seperti tempat penyembahan bermahkotakan bumbung

10. Pernyataan di atas merupakan salah satu binaan dalam seni bina Cina. Pernyataan tersebut merujuk kepada binaan
- A. Tokong
  - B. Istana
  - C. Pa Li
  - D. Kubu
11. Yang manakah TIDAK BENAR tentang ciri-ciri pembinaan yang ada di zaman Romanesque ini
- A. menara
  - B. tempat sembahyang
  - C. tingkap-tingkap kecil
  - D. makam
12. Gaya Romanesque dianggarkan wujud dari tahun?
- A. 900 hingga 1150 Masihi
  - B. 1000 hingga 1150 Masihi
  - C. 1150 hingga 2000 Masihi
  - D. 2000 hingga 2050 Masihi
13. Dalam pembinaan gereja dan biara, kebanyakan pelan yang digunakan berasaskan bentuk?
- A. geometri empat segi
  - B. separa bulat
  - C. geometri tiga segi
  - D. trapezium

14. Batu-batu besar digunakan untuk membina gereja. Batu ini dijadikan asas bangunan. Batu ini dipotong dan disusun untuk dijadikan bimbang dan
- A. tempat duduk dan meja
  - B. tiang dan dinding
  - C. bilik dan tiang
  - D. tapak dan alas
15. Apakah yang memainkan peranan penting dalam menyatupadukan manusia dan menjaga keamanan pada zaman Romanesque?
- i. patung hiasan
  - ii. gereja
  - iii. balai pentadbiran
  - iv. biara
- A. i dan iii
  - B. ii dan iv
  - C. i,ii dan iv
  - D. iv sahaja
16. Romanesque berasal dari kata terbit Roman atau Romawi. Romanesque bermaksud?
- A. zaman klasikal
  - B. stail seni arca
  - C. sesuatu yang bersifat
  - D. tamadun lama

17. Rekaan bangunan zaman ini dapat menyelesaikan beberapa masalah seperti kebakaran. Manakah yang BENAR tentang pernyataan ayat diatas?
- bumbung diperbuat dari tanah liat
  - tiang diganti dengan besi
  - penggunaan kayu ditukar dengan batu
  - bumbung diperbuat dari zink
- A. i dan ii  
B. i dan iii  
C. iii dan iv  
D. semua diatas
18. Mereka ini mula mengubah struktur kehidupan dan pentadbiran zaman pada masa itu. Ia merujuk kepada kewujudan senarai yang dinyatakan dibawah. Yang manakah TIDAK BENAR?
- A. pedagang  
B. bank  
C. tentera  
D. kapitalis
19. Bahan campuran ini digunakan pada zaman ini untuk membolehkan bangunan dibentuk dengan menggunakan relung serta lengkungan dan sebagainya. Apakah bahan – bahan campuran tersebut?
- besi dan aluminium
  - pasir dan simen
  - pelekat dan kain
  - konkrit dan campuran batu
- A. i dan iii  
B. iii dan iv  
C. ii dan iv  
D. ii dan iii



20. Pada zaman ini golongan pembesar terbahagi kepada dua iaitu golongan pertama ; kumpulan yang berjuang ke arah agama dan bagi golongan kedua pula adalah kumpulan yang berjuang cenderung kearah?

- A. masyarakat
- B. negara
- C. pendidikan
- D. pertanian

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Sila jawab **TIGA (3)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.


**SOALAN 1**

Tamadun Mesir telah wujud bertahun-tahun lamanya. Tamadun Mesir adalah anugerah daripada Sungai Nil yang mengalir dari bahagian utara Mesir ke Laut Mediterranean. Di tebing Sungai Nil inilah lahirnya Tamadun Mesir.

- a) Terangkan antara **lima (5)** kepercayaan masyarakat Mesir terhadap roh.

(10 markah)

- b) Artifak yang dihasilkan ketika zaman Pra Dinasti dikenali sebagai "The Palette of King Namer". Terangkan secara ringkas antara **lima (5)** gambaran penceritaan lakaran di bawah.



(10 markah)

**SOALAN 2**

Byzantin merupakan sebuah tamadun yang terletak di antara dua tamadun ilmu yang besar iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Eropah. Ia merujuk kepada budaya, falsafah, dan gaya yang bercirikan gaya Empayar Roman Timur. Tamadun ini dibahagikan kepada empat zaman iaitu Ravenna, Seni Byzantin Awal, Seni Byzantin Pertengahan dan Seni Byzantin Akhir.

a) Namakan falsafah yang digunakan oleh orang Byzantin ketika zaman Ravenna.

(2 markah)

b) Huraikan secara ringkas **empat (4)** elemen bagi falsafah yang dinyatakan di atas.

(8 markah)

c) Jelaskan **lima (5)** ciri-ciri mengenai seni bina gereja St. Vitale.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Gaya seni Gothik bermula pada awal abad ke-12 menggantikan gaya Romanesque. Gaya ini wujud melalui pelbagai ciri binaan yang dicuba dalam gaya Romanesque.

a) Nyatakan **empat (4)** ciri-ciri arca yang terdapat pada zaman Gothik.

(4 markah)

b) Huraikan antara **tiga (3)** bahan binaan yang digunakan dalam Senibina Gothik.

(6 markah)

c) Lakarkan **satu (1)** keratan bangunan gereja ketika zaman Gothik berserta label.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Zaman Romawi merupakan satu zaman keagungan Eropah. Pemerintahan zaman ini merangkumi pelbagai tamadun, bangsa dan budaya.

a) Nyatakan **dua (2)** peringkat zaman selepas Zaman Awal.

(2 markah)

b) Terangkan secara terperinci tentang gaya-gaya dibawah yang digunakan pada catan ketika zaman "The Republic".

- i. gaya pertama
- ii. gaya kedua
- iii. gaya ketiga
- iv. gaya keempat

(8 markah)

c) Terangkan antara **lima (5)** ciri senibina yang terdapat dalam rekaan Pantheon.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan. Sila jawab DUA (2) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Lakarkan rekaan terkenal tamadun Mesir seperti berikut:

- a. Permaisuri Nefertiti (3 markah)
- b. Patung blok (3 markah)
- c. *'Step Pyramid at Djoser'* (4 markah)

**SOALAN 2**

Lakarkan rekaan bangunan senibina Romawi seperti berikut:

- a. Jambatan *'Pond-du-Gard'* (3 markah)
- b. *'Colosseum'* (4 markah)
- c. *'Arch of Titus'* (3 markah)

**SOALAN 3**

Lakarkan antara rekaan yang terkenal ketika tamadun Greek iaitu :

- a. *'Corinthians Order Column'* (3 markah)
- b. *'Ionic Order Column'* (3 markah)
- c. *'Parthenon'* (4 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

